

# GAYA TINGKAHLAKU HUMOR DALAM KALANGAN PELAJAR PASCA IJAZAH FAKULTI PENGURUSAN

Mohammad Saipol bin Mohd Sukor  
Ishak bin Mad Shah  
Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

## ABSTRAK

Humor merupakan elemen yang tidak asing dalam komunikasi dan tingkahlaku harian pelajar. Disebalik sokongan kajian-kajian lepas mengenai kelebihan humor terhadap kesejahteraan hidup pelajar, terdapat jurang kajian yang mengenalpasti perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi, khususnya dalam kalangan pelajar pasca ijazah. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap dan perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi. Untuk tujuan tersebut, sebanyak 108 orang pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menjadi sampel kajian. Alat ukur yang digunakan untuk mengukur gaya tingkahlaku humor ialah *Humor Styles Questionnaire* (HSQ). Hasil kajian mendapati humor afilatif adalah yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan. Kemudian diikuti dengan humor *self-enhancing* dan humor *self-defeating*. Manakala humor agresif adalah yang paling kurang dilakukan oleh pelajar. Selain itu, kajian ini mendapati humor afilatif berbeza berdasarkan kewarganegaraan pelajar. Manakala humor agresif berbeza berdasarkan jantina pelajar. Secara keseluruhannya, kajian ini

menyediakan maklumat mengenai faktor demografi yang menjelaskan perbezaan gaya tingkahlaku humor dalam kalangan pelajar. Ianya merupakan suatu nilai tambah yang penting dalam usaha menggalakkan humor dalam kalangan pelajar dan membina suasana pembelajaran yang lebih ceria dan positif.

**Kata Kunci:** Humor, afilatif, agresif, *self-enhancing*, *self-defeating*.

## ABSTRACT

Humor is a familiar element that exists in student's daily communication and behavior. Despite support from previous studies on the benefits of humor to the student's well-being, there is a gap of research on the humor styles behavior differences based on demographic factor, particularly among post-graduate students. Therefore, this study was conducted in order to identify the level and differences of humor styles behavior based on demographic factor. For this purpose, a total of 108 post-graduate students in the Faculty of Management, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) become sample of the study. The instrument used to measure humor styles behavior is The Humor Styles Questionnaire (HSQ). The current study found that affiliative humor was the highest among postgraduate students in the Faculty of Management. Followed by self-enhancing humor and self-defeating humor. While the aggressive humor was the least done by students. In addition, the study found that there was nationality difference in affiliative humor and gender difference in aggressive humor among students. Overall, this study provides information on the demographic factors that explain the differences of humor styles behavior of students. It is an important added value in promoting humor among students and to build a more cheerful and positive learning environment in the university.

**Keywords:** Humor, affiliative, aggressive, self-enhancing, self-defeating

## 1. PENGENALAN

Selama dua dekad yang lepas, terdapat pertumbuhan minat dalam kalangan pengkaji untuk mengkaji mengenai humor dalam kehidupan manusia dan ianya berterusan sehinggalah abad ke-21 ini (Martin, 2004). Hal ini kerana humor telah difahamkan sebagai fenomena kompleks yang melibatkan tingkahlaku, pemikiran dan emosi manusia (Duncan, 1990). Humor didefinisikan sebagai kualiti tindakan, ucapan dan penulisan yang merangsang emosi gembira, keanehan, keseronokan, lucu dan hiburan (Simpson & Weiner, 1989). Secara ringkasnya, sebarang aktiviti yang menghiburkan dan menyebabkan ketawa serta keseronokan adalah humor (Beermann & Ruch, 2009; Smith, 2010). Ianya meliputi aktiviti seperti mengeluarkan perkataan atau berkongsi cerita lucu, mengusik atau mengenakan orang lain, tindakan spontan atau parodi dan melakukan perbuatan yang memalukan diri sendiri (Lang dan Lee, 2010, Martin et al., 2003).

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa humor berfungsi mengurangkan ketegangan atau stres yang dialami oleh seseorang individu, menarik perhatian orang lain, menggalakkan komunikasi berkesan antara individu, melupakan masalah yang dialami buat seketika, menguruskan emosi dan membina semangat kekitaan (Cruthirds, 2006; Terrion & Ashforth, 2002). Dalam konteks

pendidikan, humor berhubungkait dengan minda kreatif (Cayirdag & Acar, 2010), pengadaptasian dengan persekitaran, pengurangan tekanan dalaman dan kemurungan (Cheung & Yue, 2012). Humor juga berhubungkait dengan kesejahteraan emosi dan kepuasan terhadap hubungan sosial dalam kalangan pelajar (Dozois et al., 2009). Kesemua dapatan tersebut menunjukkan bahawa humor wujud dalam persekitaran pembelajaran dan memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan pelajar.

Meskipun pengkaji-pengkaji lepas telah meneroka mengenai konsep, fungsi dan peranan humor yang berbeza, namun kajian empirikal mengenai humor adalah terhad dan model teoretikal yang komprehensif sangat diperlukan untuk menjadi panduan kajian yang akan datang (Dijkers et al., 2011). Pada dasarnya, model teoretikal yang komprehensif bukan sahaja meliputi jenis, fungsi dan peranan humor, tetapi juga meliputi darjah perbezaan individu dalam melakukan humor (Capps, 2006).

Dijkers et al. (2011) menjelaskan bahawa kajian mengenai tahap serta perbezaan individu dalam melakukan humor masih kurang dalam kalangan pengkaji-pengkaji lepas. Adapun kajian-kajian lepas yang dijalankan lebih menumpukan kepada fungsi dan perbezaan gaya tingkahlaku humor dalam kalangan pelajar ijazah sarjana

muda (Bilge & Saltuk, 2007; Carrica, 2009; Chen & Martin, 2007; Hoffman, 2007; Lefcourt et al., 1997; Yip & Martin, 2006; Jovanovic, 2011). Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang kajian mengenai perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi pelajar pasca ijazah.

Umumnya, pelajar pasca ijazah merujuk kepada pelajar yang menyambung pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi (Ijazah Sarjana dan PhD) setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda. Mereka merupakan golongan yang berfungsi menjalankan penyelidikan saintifik dengan matlamat untuk meneroka dan mengembangkan pengetahuan ilmiah. Hasil daripada kajian-kajian yang mereka lakukan merupakan salah satu aspek yang mengukur pencapaian dan prestasi sesebuah universiti. Hal ini sepertimana menurut Collis dan Hussey (2013) bahawa pelajar pasca ijazah menjalankan kajian saintifik yang mana merupakan pusat aktiviti bisnes dan akademik dalam sesebuah institusi pengajian tinggi.

## 2. KAJIAN LITERATUR

Dalam bidang sains sosial, humor telah dikenalpasti sejak perkembangan teori Freud dan mula dikaji secara empirikal dan didokumenkan pada penghujung era 80-an (McGraw, 2011). Freud (1960) telah mengkonsepsikan humor sebagai elemen kejanggalan atau hiburan dalam

persekitaran yang mengatasi perasaan takut, tekanan, sedih atau marah. Konsep tersebut kemudiannya dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Gruner (1978) yang menekankan elemen ejekan dan cemuhan sebagai komponen asas dalam humor. Seterusnya Koestler (1964) dan Bleedorn (1982) pula telah mengaitkan humor dengan pemikiran kreatif. Manakala Martin (1998) mengaitkan humor dengan kompleksiti kognitif, toleransi terhadap kekaburan dan pemikiran logik.

Disebalik peningkatan kajian mengenai humor, tiada teori khas yang diwujudkan untuk menjelaskan mengenai ciri-ciri, jenis dan fungsi humor secara spesifik (Duncan, 1990). Meskipun begitu pada tahun 2003, Martin dan rakan-rakannya telah mengenalpasti beberapa gaya tingkahlaku humor yang mempunyai ciri-ciri dan fungsi yang berbeza antara satu sama lain. Gaya tingkahlaku humor tersebut ialah humor afiliatif, *self-enhancing*, agresif dan *self-defeating*.

**a) Humor Afiliatif** merupakan gaya humor yang ditujukan kepada orang lain (Cann et al., 2008). Ianya meliputi aktiviti seperti bercerita atau mengeluarkan kata-kata lucu, ketawa bersama rakan dan membuat lawak dengan cara melakukan tindakan spontan (Lefcourt, 2001; Martin et al., 2003). Menurut Shirley (2013) humor afiliatif dikategorikan sebagai humor positif.

Hal ini kerana humor tersebut membantu menguatkan perhubungan sosial dan mengurangkan tekanan interpersonal (Lefcourt, 2001; Kalliny et al., 2006). Individu yang tinggi tahap humor afliatif cenderung berusaha membuatkan orang lain merasa senang dan selesa dengan kehadiran dirinya, sentiasa ceria, mempunyai emosi yang stabil dan cenderung mengambil berat akan hal orang lain (Martin et al., 2003).

**b) Humor Self-enhancing** merupakan gaya humor yang ditujukan kepada diri sendiri (Kalliny et al., 2006). Individu yang cenderung melakukan humor *self-enhancing* mudah terhibur dengan kegagalan dalam hidup dan sering berfikir mengenai sesuatu perkara atau peristiwa yang melucukan (Martin et al., 1993). Ianya dilakukan untuk memperbaiki keadaan diri sendiri dan mengawal emosi ketika berhadapan dengan situasi yang stres atau di luar jangkaan (Martin et al., 2003). Humor *self-enhancing* dikategorikan sebagai humor positif (Shirley, 2013). Hal ini kerana ianya berhubungkait secara positif dengan keriang, estim sendiri, kesejahteraan psikologi dan kepuasan terhadap hubungan sosial (Martin et al., 2003).

**c) Humor Agresif** merupakan gaya humor yang ditujukan kepada orang lain (Cann et al., 2008). Ianya merujuk kepada

penggunaan kata-kata sindiran, ejekan, cemuhan, kritikan atau penghinaan dalam jenaka yang dilakukan (Kalliny et al., 2006; Lang & Lee, 2010; Zillman, 1983). Ianya dilakukan untuk memanipulasi, menyampaikan mesej yang mengandungi makna tersirat serta mengawal atau memperbaiki tingkahlaku orang lain (Cruthirds, 2006; Janes, 2000). Humor agresif dikategorikan sebagai humor negatif (Shirley, 2013). Hal ini kerana ianya berhubungkait secara negatif dengan estim sendiri, kesejahteraan psikologikal dan kepuasan hidup (Martin et al., 2003).

**d) Humor Self-defeating** meliputi tindakan atau percakapan yang lucu mengenai diri sendiri (Cruthirds, 2006). Ianya dimana seseorang individu cenderung ketawa bersama-sama dengan orang lain dengan menjadikan diri sendiri sebagai bahan ketawa tersebut. Tujuan humor *self-defeating* dilakukan ialah untuk menghiburkan dan menarik perhatian orang lain. Dalam masa yang sama menyembunyikan fikiran atau perasaan sebenar daripada pengetahuan orang lain (Kalliny et al., 2006). Humor *self-defeating* berhubungkait positif dengan kemurungan dan kebimbangan (Martin et al., 2003).

Konsep gaya tingkahlaku humor oleh Martin et al. (2003) telah menerima reaksi positif dalam kalangan pengkaji-pengkaji lepas di bidang sains sosial.

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan individu dalam melakukan humor serta fungsi dan peranan humor kepada manusia khususnya golongan pelajar (Cann et al., 2008; Carrica, 2009; Cheung & Yue, 2012; Kuiper & Mchale, 2009; Stieger et al., 2011; Yip & Martin, 2006).

Lefcourt et al. (1997) menjelaskan bahawa faktor demografi boleh menentukan perbezaan gaya tingkahlaku humor dalam kalangan pelajar. Dua faktor demografi tersebut ialah seperti jantina dan etnik (Duncan, 1990). Menurut Abel (2010) terdapat perbezaan reaksi dan persepsi terhadap gaya tingkahlaku humor di antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki lebih cenderung melakukan humor agresif manakala pelajar perempuan lebih cenderung melakukan humor *self-defeating* (Ioncin, 2009). Selain itu, perbezaan gaya tingkahlaku humor juga boleh dijelaskan berdasarkan umur, dimana penggunaan humor yang negatif berhubungkait dengan peningkatan umur (Martin et al., 2003).

Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang mengenalpasti perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi, namun bukti-bukti empirikal yang menyokong perbezaan tersebut masih kurang dalam literatur (Vernon et al., 2007). Malah kecenderungan pengkaji-pengkaji lepas untuk memfokuskan kepada

faktor jantina, umur dan etnik, menunjukkan terdapat jurang kajian mengenai perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor kewarganegaraan dan program pengajian pelajar. Justeru itu, kajian berterusan amatlah diperlukan bagi meningkatkan kefahaman dan memberikan gambaran jelas mengenai perkaitan gaya tingkahlaku humor dengan faktor demografi pelajar (Tumkaya, 2011). Ianya juga penting untuk menentukan ciri-ciri demografi yang perlu dipertimbangkan dalam mengkaji mengenai gaya tingkahlaku humor dalam kalangan pelajar.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap dan perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan, UTM. Kajian ini memfokuskan kepada tiga faktor demografi yang membezakan tingkahlaku pelajar dalam universiti dan hanya terbahagi kepada dua kumpulan kategorikal iaitu jantina, kewarganegaraan dan program pengajian.

### 3. METODOLOGI

Populasi kajian ini ialah dalam kalangan pelajar pasca ijazah sepenuh masa di Fakulti Pengurusan, UTM. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Proses pengumpulan data kajian dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang diadaptasikan

daripada pengkaji lepas. Borang soal selidik kajian ini diedarkan sendiri oleh pengkaji dan melalui e-mel, sebanyak 108 borang soal selidik yang lengkap diisi telah diterima. Majoriti responden kajian ini terdiri daripada pelajar wanita (55.6%), pelajar tempatan (64.8%) dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (64.8%). Selebihnya ialah pelajar lelaki (44.4%), pelajar antarabangsa (35.2%) dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (35.2%).

Dalam kajian ini, *Humor Styles Questionnaire* (HSQ) yang dibina oleh Martin et al. (2003) telah digunakan untuk mengukur gaya tingkahlaku humor. Soal selidik yang mengandungi 32-item tersebut mengukur empat gaya tingkahlaku humor iaitu humor afiliatif, *self-enhancing*, agresif dan *self-defeating*. Lima skala Likert digunakan bermula daripada (1) "sangat tidak setuju" hingga (5) "sangat setuju". Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa HSQ mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik (Fitts et al., 2009; Martin et al., 2003; Stieger et al., 2011). Dalam kajian ini nilai Alfa Cronbach bagi HSQ ialah dalam lingkungan 0.68 hingga 0.76.

Analisis data kajian dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) digunakan untuk mengenalpasti tahap gaya tingkahlaku

humor. Manakala statistik inferensi (ujian-t) digunakan untuk mengenalpasti perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi responden.

#### 4. HASIL

**Jadual 1: Min dan sisihan piawai bagi gaya tingkahlaku humor**

Pembolehubah	Min	SD
Afiliatif	2.94	0.49
<i>Self-enhancing</i>	2.77	0.51
Agresif	2.22	0.42
<i>Self-defeating</i>	2.45	0.50

Jadual 1 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi gaya tingkahlaku humor dalam kalangan pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan, UTM. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa tahap humor afiliatif adalah yang paling tinggi dalam kalangan pelajar pasca ijazah ( $M = 2.94, SD = 0.49$ ). Ianya kemudian diikuti dengan humor *self-enhancing* ( $M = 2.77, SD = 0.51$ ) dan humor *self-defeating* ( $M = 2.45, SD = 0.50$ ). Manakala tahap humor yang paling rendah ialah humor agresif ( $M = 2.22, SD = 0.42$ ).

**Jadual 2: Perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi**

Humor Afiliatif	Min	t	Sig.
Lelaki	2.94	-0.02	0.98
Perempuan	2.95		
Tempatan	2.77	-2.18	0.04*
Antarabangsa	2.99		
Master	2.98		0.62
0.54			

Humor Self-enhancing		Min	t	Sig.
Phd	2.89			
Lelaki	2.89	1.55	0.13	
Perempuan	2.68			
Tempatan	2.72	-0.60	0.55	
Antarabangsa	2.80			
Master	2.80		0.53	
0.60				
Phd	2.72			
Humor Agresif		Min	t	Sig.
Lelaki	2.37	2.31	0.03*	
Perempuan	2.12			
Tempatan	2.28	0.73	0.47	
Antarabangsa	2.20			
Master		2.20	-0.83	
0.41				
Phd	2.29			
Humor Self-defeating		Min	t	Sig.
Lelaki	2.54	1.58	0.12	
Perempuan	2.33			
Tempatan	2.43	0.04	0.97	
Antarabangsa	2.42			
Master		2.41	-0.26	
0.80				
Phd	2.45			

\*Nilai signifikan pada tahap  $p < 0.05$

Jadual 2 memaparkan perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan, UTM. Jadual tersebut menunjukkan bahawa gaya tingkahlaku humor afilatif adalah berbeza secara signifikan berdasarkan kewarganegaraan pelajar ( $t (106) = -2.18, p < 0.05$ ). Manakala gaya tingkahlaku humor agresif pula berbeza secara signifikan berdasarkan jantina pelajar ( $t (106) = 2.31, p < 0.05$ ).

## 5. PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa dalam berjenaka, pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan lebih cenderung memilih untuk melakukan aktiviti seperti berkongsi cerita lucu, bertindak secara spontan atau di luar jangkaan dan ketawa bersama rakan-rakan. Hal ini mungkin kerana pelajar merasakan bahawa tindakan tersebut adalah antara cara yang terbaik untuk bermesra, berhibur dan merapatkan hubungan dengan pelajar lain. Selain itu, terdapat juga pelajar yang berjenaka dengan cara berfikir sesuatu perkara atau kejadian lepas yang melucukan. Gaya humor tersebut dilakukan mungkin untuk menceriakan, melegakan dan menghiburkan diri sendiri, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan keadaan yang stres dan mencabar. Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa, pelajar dalam institusi pengajian tinggi cenderung melakukan humor afilatif dan humor *self-enhancing* dalam interaksi harian mereka (Cheung & Yue, 2012; Dozois et al., 2009; Fitts et al., 2009; Hampes, 2006).

Selain itu, terdapat juga pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan yang cenderung bertindak memalukan atau merendahkan diri sendiri ketika berjenaka. Hasil kajian ini selari dengan beberapa kajian lepas yang membuktikan kewujudan humor *self-defeating* dalam kalangan pelajar institusi

pengajian tinggi (Cann et al., 2008; Carrica, 2009; Hampes, 2006). Pada dasarnya, gaya humor tersebut berfungsi sebagai mekanisme pertahanan atau pengelakan terhadap situasi yang tidak menyenangkan (Martin et al., 2003). Justeru itu, bolehlah difahamkan bahawa terdapat pelajar yang melakukan humor *self-defeating* sebagai salah satu cara untuk mengelak masalah dan menyembunyikan fikiran atau perasaan sebenar mereka daripada pengetahuan orang lain.

Seterusnya bagi humor agresif, kajian ini mendapati bahawa pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan kurang melakukan gaya humor tersebut. Hal ini mungkin disebabkan oleh wujudnya kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kesan negatif humor agresif terhadap hubungan sosial mereka dengan pelajar lain. Menurut Martin et al. (2003) humor agresif boleh menimbulkan pergaduhan dan meningkatkan emosi negatif seperti bimbang, iri hati, kecewa, marah dan murung. Ianya juga boleh menjadi salah satu aktiviti pembulian (Cruthirds, 2006). Justeru itu, pelajar kurang melakukan humor agresif yang mana mengandungi unsur kritikan, cemuhan dan ejekan terhadap orang lain (Kuiper & McHale, 2009; Jovanovic, 2011).

Selain mengenalpasti kecenderungan pelajar melakukan humor, kajian ini juga mengenalpasti perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor

demografi seperti jantina, kewarganegaraan dan program pengajian. Kajian ini menyokong perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor jantina dan kewarganegaraan pelajar. Didapati humor afilatif adalah berbeza secara signifikan berdasarkan kewarganegaraan pelajar. Ianya dimana pelajar antarabangsa lebih cenderung melakukan humor afilatif berbanding pelajar tempatan.

Pada dasarnya, pelajar antarabangsa menghadapi cabaran dalam beradaptasi atau menyesuaikan diri dengan persekitaran baru yang mana suasana pembelajaran, bahasa, gaya hidup, sosial dan budayanya adalah berbeza dengan negara asal mereka. Justeru itu, mereka lebih cenderung menggunakan humor afilatif untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan tersebut. Hal ini sepertimana menurut Issar (1996) bahawa humor afilatif membantu meningkatkan keupayaan adaptasi seseorang individu dengan suasana persekitaran yang baru. Martin et al. (2003) menjelaskan bahawa humor afilatif merupakan penggunaan jenaka yang mesra, bertoleransi dan bukan ancaman atau persaingan. Ianya boleh meningkatkan kejelekitan interpersonal, daya tarikan individu, membina semangat kekitaan dan keharmonian sosial (Hiranandani & Bing, 2015; Yue et al., 2010). Justeru itu, pelajar antarabangsa lebih cenderung menjadikan humor afilatif sebagai saluran untuk



mengintegrasikan diri mereka dengan komuniti tempatan dalam universiti.

Selain itu, didapati gaya tingkahlaku humor agresif adalah berbeza secara signifikan berdasarkan jantina pelajar. Ianya dimana pelajar lelaki lebih cenderung melakukan humor agresif berbanding pelajar perempuan. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Cheung dan Yue (2012) yang mendapati bahawa humor agresif kurang dilakukan dalam kalangan pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Kajian ini juga menyokong penjelasan oleh Martin et al. (2003) bahawa humor agresif berbeza berdasarkan jantina, dimana lelaki lebih cenderung melakukan jenaka yang mengkritik atau mengenakan orang lain berbanding perempuan. Hal ini mungkin didorong oleh sifat semulajadi bagi lelaki itu sendiri yang mana mudah merasa lucu dengan perkara-perkara yang melibatkan elemen seksual dan mengenakan orang lain (Duncan, 1990; Lampert & Tripp, 2006). Malah sifat agresif itu sendiri sering dikaitkan dengan sifat maskulin bagi lelaki (Eysenck, 1972). Justeru itu, bila mana lelaki melakukan humor agresif, perempuan hanya memilih untuk menghargai atau bertindak balas dengannya (Shuster, 2012).

### 5.1 Limitasi dan Cadangan

Dapatan kajian ini terhad kepada pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan. Dicapangkan agar kajian akan datang

dijalankan dengan skop yang lebih luas meliputi seluruh kawasan di UTM. Ianya agar keputusan kajian dapat digeneralisasikan kepada pelajar pasca ijazah di UTM. Seterusnya, kajian ini mengenalpasti perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan tiga faktor demografi iaitu jantina, kewarganegaraan dan program pengajian pelajar. Dicapangkan agar kajian akan datang mengenalpasti perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi yang lain seperti pendapatan, pekerjaan dan tempoh pengajian. Ianya penting untuk meningkatkan kefahaman mengenai perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan latarbelakang ekonomi dan jangka masa pelajar berada dalam universiti. Selain perbezaan individu, kajian akan datang juga perlu dijalankan terhadap kesan humor ke atas pencapaian akademik pelajar pasca ijazah. Ianya akan membantu meningkatkan pengetahuan mengenai kepelbagaian fungsi dan peranan humor dalam kehidupan pelajar.

### 5.2 Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa gaya tingkahlaku humor wujud dalam kalangan pelajar pasca ijazah di Fakulti Pengurusan. Selain itu, kajian ini juga telah menyediakan maklumat mengenai perbezaan gaya tingkahlaku humor berdasarkan faktor demografi. Ianya membantu pengkaji akan

datang dalam membina model teoretikal yang komprehensif mengenai perkaitan faktor demografi dengan gaya tingkahlaku humor dalam kalangan pelajar universiti. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, dicadangkan agar pihak pengurusan fakulti mewujudkan polisi untuk menggalakkan humor afiliatif dan *self-enhancing* dalam interaksi dengan pelajar. Ianya penting bagi membina suasana pembelajaran yang lebih mesra, ceria dan produktif dalam Fakulti Pengurusan.

## 6. RUJUKAN

- Abel, M. H. (1998). Interaction of humor and gender in moderating relationships between stress and outcomes. *Journal of Psychology, 132*(3), 267-276.
- Beermann, U., & Ruch, W. (2009). How virtuous is humor? Evidence from everyday behavior. *Humor 22*(4), 395-417.
- Bilge, F., & Saltuk, S. (2007). Humor styles, subjective well-being, trait anger and anxiety among university students in Turkey. *World Applied Sciences Journal, 2*(5), 464-469.
- Bleedorn, B. B. (1982). Humor as an indicator of giftedness. *Roeper Review, 4*(4), 33-34.
- Cann, A., Norman, M. A., Welbourne, J. L., & Calhoun, L. G. (2008). Attachment styles, conflict styles and humour styles: associations with relationship satisfaction. *European Journal of Marketing, 22*, 131-146.
- Capps, D. (2006). The psychological benefits of humor. *Pastoral Psychology, 54*(5), 393-411.
- Carrica, J. L. (2009). *Humor styles and leadership styles: Community college presidents* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses database. (UMI No. 3400987).
- Cayirdag, N., & Acar, S. (2010). Relationship between styles of humor and divergent thinking. *Procedia Social and Behavioral Sciences, 2*, 3236-3240.
- Cheung, C. K., & Yue, X. D. (2012). Sojourn students' humor styles as buffers to achieve resilience. *International Journal of Intercultural Relations, 36*, 353-364.
- Collis, J., & Hussey, R. (2013). *Business research: A practical guide for undergraduate and postgraduate students*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Cruthirds, K. W. (2006). The impact of humor on mediation. *Dispute Resolution Journal, 61*(3), 32-41.
- Dijkers, J., Doosje, S., & de Lange, A.

- (2011). Humor as a human resource tool in organizations. In J. Houdmont, S. Leka, & R. Sinclair (Eds.), contemporary occupational health psychology. *Global Perspectives on Research and Practice*, 2, 74-91.
- Dozois, D. J. A., Martin, R. A., & Bieling, P. J. (2009). Early maladaptive schemas and adaptive/maladaptive styles of humor. *Cognitive Therapy Research*, 33, 585-596.
- Duncan, W. J., Smeltzer, I. R., & Leap, T. I. (1990). Humor and work: application of joking behavior to management. *Journal of Management*, 16, 255-278.
- Eysenck, H. J. (1972). *Psychology is about people*. Harmondsworth, England: Open Court Pub Co.
- Fitts, S. D., Sebbly, R. A., & Zlokovich, M. S. (2009). Humor styles as mediators of the shyness-loneliness relationship. *North American Journal of Psychology*, 11(2), 257-272.
- Freud, S. (1960). Jokes and their relation to the unconscious, trans. James Strachey, 196-201.
- Gruner, C. R. (1978). *Understanding laughter: The workings of wit & humor*. Burnham Incorporated Publication.
- Hampes, W. P. (2006). Humor and shyness: The relation between humor styles and shyness. *Humor*, 19(2), 179-187.
- Hiranandani, N. A., & Bing, S. R. Y. (2015). Humor styles in Indian university students. *International Journal of Psychology and Behavior Analysis*, 1(1), 104.
- Hoffman, M. (2007). *Does sense of humor moderate the relationship between leadership style and conflict management style?*. (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses database. (UMI No. 3284029).
- locin, L. (2009). *Relationship among gender, humor and anxiety in college students*. (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses database. (UMI No. 3367277).
- Issar, N. (1996). Immigrants perspective on the role of humor and leisure in lifestyle adaptation. *Journal of Leisurability*, 23(4).
- Janes, L. M., & Olson, J. M. (2000). Jeer pressure: The behavioral effects of observing ridicule of others. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 26, 474-485.
- Jovanovic, V. (2011). Do humor styles matter in the relationship between personality and subjective well-being? *Scandinavian Journal of Psychology*, 52, 502-507.
- Kalliny, M., Cruthirds, K. W., & Minor, M. S.

- (2006). Differences between American, Egyptian and Lebanese humor styles: Implications for international management. *International Journal of Cross Cultural Management*, 6(1), 121-134.
- Koestler, A. (1964). *The act of creation*. London: Arkana.
- Kuiper, N. A., & McHale, N. (2009). Humor styles as mediators between self-evaluative standards and psychological well-being. *The Journal of Psychology*, 143(4), 359–376.
- Lampert, M. D., & Tripp, S. M. E. (2006). Risky laughter: Teasing and self-directed joking among male and female friends. *Journal of Pragmatics*, 38, 51-72.
- Lang, J. C., & Lee, C. H. (2010). Workplace humor and organizational creativity. *The International Journal of Human Resource Management*, 21(1), 46–60.
- Lefcourt, H. (2001). *Humor: The psychology of living buoyantly*. New York: Plenum.
- Lefcourt, H. M., Davidson, K., Prkachin, K. M., & Mills, D. E. (1997). Humor as a stress moderator in the prediction of blood pressure obtained during five stressful tasks. *Journal of Research in Personality*, 31, 523-542.
- Martin, R. A. (1998). Approaches to the sense of humor: A historical review. *The sense of humor: Explorations of a Personality Characteristic*, 15-60.
- Martin, R. A., Dorris, P. P., Larsen, G., Gray, J., & Weir, K. (2003). Individual differences in uses of humor and their relation to psychological well-being: Development of the Humor Styles Questionnaire. *Journal of Research in Personality*, 37, 48–75.
- Martin, R. A., Dorris, P. P., Larsen, G., Gray, J., & Weir, K. (2004). Sense of humor and physical health: Theoretical issues, recent findings and future direction. *Humor*, 17, 1-19.
- Martin, R. A., Kuiper, N. A., Olinger, L. J., & Dance, K. A. (1993). Humor, coping with stress, self-concept & psychological well-being. *Humor*, 6(89-194).
- McGraw, P. (2011). The importance of humor research: A serious non-serious research topic. <https://www.psychologytoday.com/the-humor-code/201109/the-importance-humor-research>.
- Shirley, J. D. (2013). *Effect of humor on teacher stress, affect and job satisfaction* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses. (UMI NO. 3565886).

- Shuster, S. (2012). The evolution of humor from male aggression. *Psychology Research and Behavior Management*, 5, 19-23.
- Simpson, J. A., & Weiner, E. S. C. (Eds.). (1989). Oxford English Dictionary.
- Smith, S. J. (2010). Having fun at work: Humor and creativity as energizing forces in the workplace. *Management*, 46-47.
- Stieger, S., Formann, A. K., & Burger, C. (2011). Humor styles and their relationship to explicit and implicit self-esteem. *Personality and Individual Differences*, 50, 747–750.
- Terrion, J. L., & Ashforth, B. E. (2002). From "I" to "we": The role of putdown humor and identity in the development of a temporary group. *Human Relations*, 55(1), 55-88.
- Tumkaya, S. (2011). Humor styles and socio-demographic variables as predictors of subjective well-being of Turkish University students. *Education and Science*, 36(160), 158-170.
- Vernon, P. A., Martin, R. A., Schermer, J. A., Cherkas, L. F., & Spector, T. D. (2007). Genetic and environmental contributions to humor styles: A replication study. *Twin Research and Human Genetics*, 11(1), 44–47.
- Yip, J. A., & Martin, R. A. (2006). Sense of humor, emotional intelligence and social competence. *Journal of Research In Personality*, 40, 1202-1208.
- Yue, X. D., Hao, X., & Goldman, G. L. (2010). Humor styles, dispositional optimism and mental health: a study among 800 undergraduates in Hong Kong and Mainland China. *Journal of Psychology Chinese Social*, 11, 173-188.
- Zillman, D. (1983). Disparagement humor. In P.E. McGhee & J. H. Goldstein (Eds.), *Handbook of humor research* (Vol. 1, pp. 85-108). New York: Springer.